

21ST CENTURY CHILDREN'S VAPOR BALM

Menthol (2.8% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan 21st Century Children's Vapor Balm
2. Bagaimana 21st Century Children's Vapor Balm berfungsi
3. Sebelum menggunakan 21st Century Children's Vapor Balm
4. Cara menggunakan 21st Century Children's Vapor Balm
5. Semasa menggunakan 21st Century Children's Vapor Balm
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan 21st Century Children's Vapor Balm
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan 21st Century Children's Vapor Balm

Melegakan hidung tersumbat, batuk, dan sakit otot disebabkan oleh selesema.

Bagaimana 21st Century Children's Vapor Balm berfungsi

Ubat ini mengandungi bahan aktif menthol, yang bertindak sebagai agen yang menenangkan. Ia mempunyai kesan penyejukan yang membantu membuka ruang pernafasan, menjadikan pernafasan lebih mudah, dan juga memberikan rasa kebas terhadap kesakitan yang berkaitan dengan selesema.

Sebelum menggunakan 21st Century Children's Vapor Balm

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan ubat ini jika:

- Anda mempunyai alahan terhadap menthol atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- Sebelum menggunakan 21st Century Children's Vapor Balm

Ubat ini hanya boleh digunakan pada kanak-kanak berumur 2 tahun dan ke atas.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan 21st Century Children's Vapor Balm

- Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak berumur 2 tahun dan ke atas: Sapu secukupnya pada dada atau kawasan yang terlibat.

- Bila perlu digunakan

Sapu 3 kali sehari, mengikut keperluan atau arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini jika perlu atau mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan peningkatan kesan sampingan.

Boleh menyebabkan sawan jika tertelan.

Semasa menggunakan 21st Century Children's Vapor Balm

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan 21st Century Children's Vapor Balm.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan sapu 21st Century Children's Vapor Balm pada luka atau kulit yang rengsa.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan 21st Century Children's Vapor Balm kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luaran sahaja. Elakkan daripada terkena pada mata. Jika berlaku, sila bilas dengan air segera.

Elakkan menyapu ubat ini ke dalam atau berdekatan lubang hidung kanak-kanak kerana penggunaan ubat ini dengan cara tersebut mungkin menyebabkan pengsan dengan serta-merta.

Jika simptom berterusan, sila berjumpa dengan doktor dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, 21st Century Children's Vapor Balm boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan 21st Century Children's Vapor Balm

- Penyimpanan

Simpan produk ini di tempat yang dingin dan kering di bawah suhu 30 ° C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat

membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk:

Salap berwarna putih merah jambu dengan bau strawberi

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif :

Menthol

Bahan tidak aktif:

Turpentine Oil, Microcrystalline Wax, Eucalyptus Oil, Strawberry Oil, Nutmeg Oil, Cedarleaf Oil, Thymol Crystal, Oil Soluble Red, Snow White Petrolatum

- Nombor MAL:

MAL20013171XC

Pengilang

Wellmetech Pharmaceutical Industries
Sdn Bhd
Lot 8058, Kota Samarahan Industrial Park
94300, Samarahan, Sarawak, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

21st Century Products Sdn. Bhd.
No 9, Jalan SS13/6A, 47500, Subang
Jaya, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/03/2024

Nombor Siri

NPRA(R4/1)260324/00046